

# Putra FM bukan radio kampus

Oleh TENGKU KHALIDAH TENGKU BIDIN

**STESEN** radio Putra FM tidak berhasrat menjadikan faktor komersial sebagai objektif utama perjuangannya dalam bidang penyiaran.

Sebaliknya Putra FM akan terus kekal dengan matlamat sebagai makmal melahirkan lebih banyak tenaga profesional dalam bidang yang semakin hebat revolusinya itu.

Stesen radio kampus digital pertama negara itu akan memperkuatkannya lagi peranannya sebagai makmal pengajaran kepada kursus penerbitan radio.

Kursus berkenaan ditawarkan melalui program Bacelor Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Putra FM adalah stesen radio yang dikendalikan oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di universiti berkenaan.

Semenjak memulakan siaran pada Ogos 2002, stesen ini boleh diikuti oleh pendengar di sekitar Lembah Klang melalui frekuensi 90.7.

Pengurus Putra FM, Dr. Muhammad Pauzi Abdul Latif berkata, matlamat utama Putra FM ialah untuk mendukung misi universiti sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan unggul.

Ia bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

"Matlamat ini perlu jelas kerana Putra FM ditubuhkan dengan gagasan untuk mencapai wawasan UPM, bukan untuk bersaing dengan stesen radio lain," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Pensyarah dalam bidang komunikasi ini juga mengakui ada pendapat mengatakan untuk meluaskan pengaruh, stesen ini perlu lebih bersifat komersial dan bergerak selari dengan stesen-stesen ternama lainnya.

Justeru Putra FM juga disaran memberi fokus kepada soal komersial bagi mendapat sumber kewangan melalui pengiklanan seperti yang dilakukan oleh stesen lain.

Bagaimanapun pendekatan itu dikhuatiri boleh menjelaskan hala tuju utama Putra FM sebagai makmal untuk melahirkan tenaga dalam bidang penyiaran yang berkualiti.

"Fokus utama kita bukan untuk bersaing dengan mana-mana stesen yang telah ada. Sebab itu bukan menjadi satu keperluan utama kepada Putra FM untuk mengkomersialkan produk kami."

"Dan perspektif ini perlu diubah kerana kami tidak mahu bersaing dengan mana-mana radio yang sudah ada di luar sana," katanya.

Ini kerana menurut Fauzi, pengkomersialan yang berlebihan dibimbangi akan membantutkan fungsi sebenar Putra FM sebagai makmal untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti dalam bidang penyiaran.

Bagaimanapun menurut Fauzi, pihak stesen



DR. MUHAMMAD PAUZI

berkenaan tidak menolak sepenuhnya nilai komersial yang diakui mampu mengembangkan lagi pengaruh saluran berkenaan kepada masyarakat.

"Bagaimanapun kami tidak boleh memiliki komersial yang keterlaluan. Ini kerana Putra FM mempunyai matlamat tersendiri yang berbeza sama sekali dengan saluran radio lain yang ada di negara ini," katanya.

Memandangkan pelajar-pelajar ini bakal menjadi tenaga penting dalam dunia penyiaran yang semakin terbuka pasarnya, stesen berkenaan perlu memperkasakan agendanya yang tersendiri sejajar dengan misi universiti berkenaan.

Semenjak beroperasi sepenuhnya bermula Ogos 2002, Putra FM kini dikendalikan oleh tujuh tenaga kerja sepenuh masa yang terdiri daripada penyelaras makmal radio, penerbit, penolong penerbit dan juruhebah.

Program Putra FM menitikberatkan pendidikan dengan menyediakan program utama pendidikan, informasi dan juga hiburan.

Pendengar sekitar turut menerima banyak manfaat terutamanya dari segi pendedahan budaya ilmu, sains dan teknologi, termasuk teknologi komunikasi dan maklumat melalui rancangan yang disiarkan di stesen berkenaan.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* ke studio yang terletak di UPM, Serdang Selangor ini mendapati bilik konti stesen berkenaan turut dilengkapi dengan alatan canggih seiring dengan peredaran masa.

Malah studio berkenaan langsung tidak mempunyai sebarang kekurangan dari studio stesen popular lain.

Konti Putra FM dibahagikan kepada empat bahagian iaitu *On Air Konti*, *Penyuntingan* dan *Penjadualan*, *Bilik Kawalan Utama (MCR)* dan *Rakaman* dan *Penyuntingan*.



DR. MUHAMMAD PAUZI (tengah) bersama penyampai radio Putra FM.

## Program Putra FM menitikberatkan pendidikan dengan menyediakan program utama pendidikan, informasi dan juga hiburan.

Studio ini menggunakan perisian Mediatron Digital Radio System dari Jerman dan merupakan stesen pertama di Malaysia menggunakan perisian berkenaan.

Selain itu mesin rakaman dan suntingan Post Station II yang tercanggih juga disediakan. Putra FM yang mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada RTM ini juga boleh diikuti melalui laman web [www.putrafm.upm.edu.my](http://www.putrafm.upm.edu.my).

Bercakap tentang perancangan untuk me-

mantapkan lagi pengaruh stesen berkenaan kepada masyarakat secara keseluruhannya, Fauzi menjelaskan satu usaha sedang dijalankan untuk memperluaskan frekuensi Putra FM ke seluruh negara pada masa depan.

"Usaha-usaha membawa saluran berkenaan ke peringkat nasional sudah pun dimulakan.

"Jika ia menjadi kenyataan Putra FM akan dapat diikuti di seluruh Malaysia," kata Fauzi lagi.

Ketika ini Putra FM hanya diikuti di Lembah

Klang dengan tempoh siaran 12 jam setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad.

Seandainya perancangan ini menjadi kenyataan ini, kemudiannya akan memudahkan UPM untuk menjadikan radio berkenaan sebagai satu medium pembelajaran bagi pelajar program jarak jauh.

"Ini juga sedang dalam perancangan. Jika ia berjaya dilaksanakan, UPM akan menjadi universiti pertama di Malaysia yang menggunakan radio dalam aplikasi pembelajaran dengan pelajar pendidikan jarak jauhnya," katanya.

Ja bukanlah satu usaha yang sukar untuk dilaksanakan dan sehingga kini Putra FM mendapat kerjasama yang cukup baik daripada Pusat Pendidikan Luar UPM sendiri.